

SIARAN MEDIA



BAHAN RUJUKAN MALAYSIA STANDARD EMAS (MyRM Gold) DAN SKIM PENSIJILAN CAP KEMPA EMAS DILANCARKAN

SHAH ALAM, 19 Dis 2017: Bahan Rujukan Malaysia Standard Emas (MyRM Gold) yang bertujuan memastikan semua alat pengukur ketulenan emas adalah berdasarkan Unit Sistem Antarabangsa dilancarkan hari ini oleh Institut Metrologi Kebangsaan Malaysia, SIRIM (NMIM) bertujuan menggalakkan perdagangan adil dan saksama dalam urusan perniagaan emas di Malaysia.

Pada masa yang sama juga, Skim Pensijilan Cap Kempa Emas yang berpandukan standard antarabangsa ISO/IEC 17067 iaitu skim yang menawarkan pensijilan terhadap ketulenan barangan kemas dan jongkong emas yang dijual di pasaran turut dilancarkan oleh SIRIM QAS International Sdn Bhd, anak syarikat SIRIM Berhad bersempena dengan Hari Terbuka SIRIM 2017 di sini.

Pelancaran kedua-dua perkhidmatan terbaru ini dilakukan oleh Timbalan Menteri Sains, Teknologi & Inovasi Datuk Wira Dr Abu Bakar Mohd Diah yang mewakili Menteri berkenaan, Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau di dalam teks ucapan yang dibacakan Datuk Wira Dr Abu Bakar berkata, ia amat penting bagi semua alat pengukuran ketulenan emas di Malaysia mempunyai kebolehesanan (traceability) melalui kaedah tentukan kepada satu rujukan sahaja iaitu kepada MyRM Gold.

Hadir sama pada pelancaran berkenaan, Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan SIRIM, Prof Ir Dr Ahmad Fadzil Mohamad Hani, Pengarah Kanan NMIM, Dr Osman Zakaria dan Pengarah Urusan SIRIM QAS International Sdn Bhd Mohd Azanuddin Salleh.

Sementara itu, Skim Pensijilan Cap Kempa Emas oleh SIRIM QAS International pula hanya akan dianugerahkan kepada pemohon apabila terdapat bukti yang menunjukkan kelompok produk yang diuji adalah tulen dan proses cap kempa yang dilalui mematuhi keperluan Skim dan Standard Malaysia MS 1247:2005 – *Code of Practice on the Description and Marking of Articles of, or Containing Precious Metal*.

Hari Terbuka SIRIM bertemakan “Merakyatkan Kualiti” diadakan bagi mempamerkan teknologi, produk dan perkhidmatan yang disediakan oleh SIRIM, selain memperkenalkan lagi peranan SIRIM sebagai sebuah agensi penyelidikan dan teknologi utama negara kepada industri, agensi kerajaan dan swasta, institusi pendidikan tinggi, sekolah dan juga orang awam.

Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan SIRIM, Prof Ir Dr Ahmad Fadzil Mohamad Hani berkata, program sehari ini memberi peluang kepada SIRIM untuk memberikan kesedaran kepada orang awam terhadap peranan yang dimainkan oleh SIRIM dalam menjamin keselamatan dan kualiti hidup mereka.

Pelbagai aktiviti interaktif diadakan pada Hari Terbuka SIRIM, antaranya lawatan ke makmal penyelidikan dan pengujian SIRIM, ceramah 'Q-Talk' yang membincangkan topik seperti keselamatan dalam kecantikan, pengurusan emosi dan berat badan, percetakan 3D, Industri 4.0, teknologi hijau dan lain-lain, selain demonstrasi solekan, pertandingan mewarna untuk kanak-kanak, *food truck park* dan *buskers corner* serta jualan produk istimewa.

###

Mengenai SIRIM Berhad

Sebuah syarikat milik penuh Kerajaan Malaysia di bawah Menteri Kewangan Diperbadankan dan agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, SIRIM Berhad adalah organisasi Penyelidikan dan Teknologi Perindustrian yang utama di negara ini. SIRIM Berhad juga adalah peneraju Kualiti dan telah menerima pengiktirafan antarabangsa bagi Standard dan Penilaian Pematuhan, selaras dengan misinya untuk "menjadi penyedia penyelesaian menyeluruh dalam inovasi kualiti dan teknologi." www.sirim.my

Mengenai Institut Metrologi Kebangsaan Malaysia (National Metrology Institute of Malaysia)

Institut Metrologi Kebangsaan Malaysia (NMIM), SIRIM dibangunkan untuk menyokong keperluan industri dan negara mengenai kebolehpercayaan unit pengukuran di Malaysia. NMIM adalah sebuah makmal standard yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

NMIM telah dilantik sebagai Makmal Standard Pengukuran Kebangsaan (MSPK) di bawah Akta Sistem Pengukuran Kebangsaan 2007 (Akta 675). Dalam melaksanakan mandat dan tanggungjawab sebagai MSPK, NMIM mempunyai peranan penting dalam memastikan penyeragaman unit pengukuran di Malaysia dan mempunyai kuasa untuk mengeluarkan bahan rujukan serta menyebarkan unit pengukuran bahan rujukan tersebut kepada pihak yang berkepentingan. www.nmim.gov.my

Mengenai SIRIM QAS International Sdn Bhd

SIRIM QAS International adalah anak syarikat milik penuh SIRIM Berhad yang merupakan badan peneraju utama di Malaysia dalam menawarkan perkhidmatan pensijilan, pemeriksaan dan pengujian yang setanding dengan amalan antarabangsa. Kami membantu pihak industri dalam menyediakan perkhidmatan dan barangan berkualiti melalui perkhidmatan pensijilan, pemeriksaan dan pengujian kami di samping menjaga kepentingan pengguna serta alam sekitar. Pengiktirafan dan akreditasi yang diperolehi oleh kami daripada badan seperti Jabatan Standard Malaysia (STANDARDS MALAYSIA) dan United Kingdom Accreditation Service (UKAS) membuktikan kredibiliti perkhidmatan kami. www.sirim-qas.com.my

Perhubungan Media:

- Ruhil Amani Zainal Abidin, Tel: 603 5544 6770 / 013-2010402 e-mel: ruhil@sirim.my
- Amalia Hasannudin, Tel: 603 5544 5021 / 017-3096519 e-mel: amalia@sirim.my